

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]
TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengenai pemantauan terhadap harga barangan memandangkan masih ada rungutan mengenai kenaikan harga barangan oleh pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat memandang serius isu berkaitan kenaikan harga barangan keperluan kerana ianya memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutama rakyat berpendapatan rendah. Pemantauan harga barang keperluan rakyat merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi mengesan pergerakan harga barangan yang dijual supaya ianya tidak membebankan rakyat. Walaubagaimanapun, harga barangan yang dijual di dalam pasaran tempatan ditentukan oleh pelbagai faktor terutamanya ialah faktor penawaran dan permintaan di dalam negara. Bagi mengekang peniaga menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya, Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan beberapa program atau langkah pemantauan yang boleh mengurangkan beban yang ditanggung rakyat seperti berikut:-

1. Penguatkuasaan Undang- Undang melalui:

- i) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh seperti melaksanakan **OPS HARGA**;
- ii) Mengambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga yang munasabah;
- iii) Mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**; dan

iv) Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP).

2. Program Pemantauan Harga

Kementerian akan terus menjalankan pemantauan harga secara harian, mingguan dan bulanan di premis-premis perniagaan untuk mengesan kenaikan harga di pasaran.

3. Mengadakan Program Pendidikan Kepenggunaan.

Mengadakan program-program pendidikan kepenggunaan untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna agar mereka menjadi pengguna yang bijak, mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna serta menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka.

4. Mengadakan Sesi Konsultasi bersama Industri.

Mengadakan sesi perundingan dengan industri-industri terlibat supaya tidak menaikkan harga produk keluaran atau barangan jualan mereka secara drastik. Disamping itu, Kementerian turut, mengadakan perbincangan dengan NGO Kepenggunaan bagi mendapatkan input-input yang boleh membantu Kerajaan dalam menangani kenaikan harga barang.